

# Brambles

## Dasar Cukai

Disemak: Jun 2024

Versi 7.0

### Pengenalan

Dasar Cukai ini adalah berdasarkan prinsip-prinsip pematuhan cukai dan ketelusan cukai yang mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh Brambles dalam membina kesedaran dan kepercayaan dalam sistem cukai di peringkat antarabangsa dan menjadi sebahagian daripada Tatakelakuan Brambles.

Tatakelakuan Brambles menyediakan rangka kerja beretika dan undang-undang untuk semua pekerja. Dasar Cukai kami bersesuaian dengan prinsip-prinsip Tatakelakuan dan terpakai kepada perniagaan-perniagaan Brambles di seluruh dunia.

Brambles komited untuk mematuhi undang-undang cukai dan untuk menjalinkan hubungan yang terbuka dan membina dengan pihak-pihak berkuasa cukai. Undang-undang pencukaaian memang rumit dan Brambles berusaha untuk mematuhi undang-undang ini dengan membayar jumlah cukai yang betul di bidang kuasa yang betul, mendedahkan maklumat berkaitan dan menuntut pelepasan-pelepasan atau insentif-insentif yang disediakan. Kami menyokong pembayaran-pembayaran dan proses-proses cukai syarikat yang lebih telus, dalam usaha membina kepercayaan awam serta telah mengamalkan Kod Ketelusan Cukai Sukarela daripada Lembaga Pencukaaian Australia. (sila rujuk Laporan Ketelusan Cukai Brambles).

Kami membayar cukai-cukai pendapatan korporat, cukai-cukai pegangan, duti-duti kastam, cukai-cukai pekerjaan dan cukai-cukai lain. Selain itu, terdapat cukai-cukai yang kami kutip bagi pihak kerajaan daripada pekerja-pekerja dan pelanggan-pelanggan seperti cukai jualan dan VAT (Cukai Nilai Tambah). Cukai-cukai yang kami bayar dan kutip ini menjadi bahagian yang penting dalam sumbangan ekonomi kepada negara-negara tempat kami beroperasi.

Komitmen kami berteraskan kepada prinsip-prinsip berikut:

#### 1. Rangka kerja pengurusan dan tadbir urus risiko cukai

Kami mematuhi rangka kerja pengurusan risiko Brambles sebagai sebahagian daripada proses-proses kawalan dalaman kami. Kami mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko cukai serta menerangkannya dengan sewajarnya. Kami melaksanakan langkah-langkah pengurusan risiko termasuk kawalan-kawalan ke atas risiko-risiko berikut:

- Risiko-risiko Operasi dan Urus Niaga – risiko pertimbangan, kepakaran dan penilaian cukai yang tidak mencukupi dalam urus-urus niaga perniagaan serta pelaksanaan atau pengurusan risiko-risiko utama yang lemah, termasuk dokumentasi yang tidak mencukupi untuk menyokong pendirian-pendirian yang diambil. Kawalan-kawalan utama termasuk kelulusan oleh bidang-bidang fungsian utama termasuk Cukai Kumpulan menurut rangka kerja kelulusan dan mendapatkan nasihat serta pendapat-pendapat luar atau perjanjian pihak berkuasa cukai sekiranya undang-undang tidak jelas;
- Risiko pematuhan – risiko penyata-penyata cukai lewat atau tidak tepat. Kawalan-kawalan utama termasuk pangkalan data utama yang memantau penyerahan penyata-penyata cukai dan penggunaan firma-firma perakaunan luar untuk menyediakan atau menyemak penyata-penyata tersebut;
- Risiko perakaunan cukai – risiko salah nyata kewangan yang ketara seperti yang ditakrifkan dalam piawaian-piawaian perakaunan yang berkenaan. Kawalan-kawalan utama termasuk menyediakan arahan-arahan perakaunan cukai kepada penyedia-penyedia penyata kewangan dan menyemak serta meluluskan baki-baki cukai yang ketara oleh Cukai Kumpulan; dan
- Risiko kawal selia dan pengurusan – risiko yang berkaitan undang-undang baharu dan pengurusan fungsi cukai. Kawalan-kawalan utama termasuk memastikan bahawa dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang sesuai disediakan, dikekalkan dan digunakan secara konsisten di seluruh dunia, serta memastikan pasukan cukai global mempunyai kemahiran-kemahiran dan pengalaman untuk melaksanakan pendekatan tersebut dengan sewajarnya.
- Risiko pelaporan cukai - risiko bahawa pelaporan risiko-risiko cukai yang tidak mencukupi kepada pengurusan kanan dan Lembaga Brambles. Kawalan-kawalan utama termasuk mengekalkan dan melaporkan kepada pihak-pihak berkepentingan utama secara berkala tentang profil cukai Kumpulan yang mencerminkan perkara-perkara seperti sebarang urus niaga penting, audit pihak berkuasa fiskal, perubahan kawal selia serta memantau keberkesanan kawalan-kawalan serta proses-proses utama.

Isu-isu dan risiko-risiko cukai yang ketara, apabila dikenal pasti perlu dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit & Risiko Brambles dan Lembaga Brambles.

### **2. Tahap risiko berhubung percukaian yang sedia untuk diterima oleh Brambles**

Pengurusan risiko berkesan, termasuk risiko cukai, adalah penting dalam pertumbuhan dan kejayaan Brambles yang berterusan. Kami menerapkan pengurusan risiko berkesan sebagai sebahagian proses-proses perniagaan kami. Brambles telah mereka bentuk dan melaksanakan sistem-sistem kawalan dalaman dan proses-proses pengurusan risiko, termasuk yang berkaitan dengan risiko cukai, serta semua sistem dan proses ini disemak oleh Lembaga.

Prosedur-prosedur tadbir urus dalaman memberi kesan terhadap tahap-tahap risiko yang boleh diterima dengan:

- Mengenal pasti, menganalisis dan menyenaraikan isu-isu risiko, termasuk cukai, secara konsisten dengan menggunakan kaedah lazim;
- Menjadikan toleransi risiko kami bagi isu-isu cukai satu pertimbangan utama dalam kami membuat keputusan; dan
- Memerlukan kelulusan daripada pengurusan kanan atau Lembaga untuk urus-urus niaga mengikut proses kelulusan dengan mengambil kira tahap risiko dan kematangan akibat-akibat yang terlibat.

Kami mematuhi undang-undang cukai yang berkenaan dan berusaha meminimumkan risiko ketidakpastian atau pertikaian. Bagi urus-urus niaga yang ketara, kami berusaha mencari kepastian, contohnya dengan cara mendapatkan nasihat luar dan pendapat-pendapat atau persetujuan yang sah dengan pihak-pihak berkuasa cukai apabila wujud ketidakpastian atau kerumitan dalam undang-undang.

### **3. Strategi dan perancangan cukai**

Tatakelakuan Brambles menetapkan bahawa semua perniagaan perlu dijalankan menurut undang-undang dan peraturan-peraturan di negara-negara tempat perniagaan tersebut dijalankan. Strategi dan perancangan cukai kami menyokong strategi perniagaan kami dan mencerminkan aktiviti perdagangan dan ekonomi. Pihak-pihak berkepentingan Kumpulan Brambles yang berkaitan terlibat, mengikut proses kelulusan yang mengambil kira tahap risiko dan kematangan akibat-akibat yang terlibat, untuk memastikan urus-urus niaga boleh diterima, termasuk Lembaga Brambles, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO) dan fungsi-fungsi perdagangan, undang-undang, perbendaharaan dan perakaunan.

Kami menjalankan urus-urus niaga antara syarikat-syarikat kumpulan secara tulus dan mengikut Garis Panduan Harga Pindahan Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Brambles tidak cuba untuk mengelak cukai dengan menggunakan perkiraan-perkiraan palsu, atau bidang-bidang kuasa perlindungan cukai, yang tidak mempunyai tujuan perniagaan.

### **4. Pendekatan terhadap pihak-pihak berkuasa cukai**

Kami berusaha menjalin dan mengekalkan hubungan yang bersifat membina dengan kerajaan-kerajaan dan pihak-pihak berkuasa fiskal serta berdasarkan prinsip saling percaya dan hormat-menghormati. Brambles mematuhi undang-undang cukai di setiap negara, namun sekiranya terdapat apa-apa ketidaktepatan, perkara-perkara ini akan didedahkan secara sukarela dan sepenuhnya kepada pihak-pihak berkuasa percukaian.

Kami bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa fiskal secara proaktif dan telus dengan objektif untuk meminimumkan pertikaian-pertikaian dan mencapai persetujuan ke atas mana-mana perkara yang tidak dipersetujui tepat pada masanya, jika boleh. Sebagai sebahagian daripada pendekatan kami untuk menyelesaikan pertikaian, kami mempertimbangkan semua jalan yang munasabah, termasuk timbang tara, persetujuan bersama dan prosedur-prosedur rayuan yang difikirkan sesuai bagi mencapai kepastian terhadap layanan-layanan cukai.

Kami bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan dan pelbagai badan di bawahnya, mengenai pembangunan undang-undang cukai dan pentadbiran-pentadbiran mereka, sama ada secara langsung atau melalui perdagangan dan persatuan-persatuan lain yang serupa mengikut kesesuaian.

Pendekatan kami dibuktikan dengan hasil semakin-semakan pematuhan dan jaminan yang dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa cukai termasuk penarafan Peringkat 3 untuk pengurusan dan tadbir urus risiko cukai serta penarafan Tahap Tinggi bagi jaminan keseluruhan oleh Pejabat Percukaian Australia dan penarafan Risiko Rendah oleh Jabatan Hasil dan Kastam British (Her Majesty's Revenue and Customs), yang menunjukkan bahawa rangka kerja kawalan cukai Brambles telah direka bentuk dan beroperasi dengan berkesan.

### 5. Anti Pengelakan Cukai

Brambles komited untuk menjalankan perniagaannya dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang yang terpakai. Komitmen ini termasuk mematuhi keperluan-keperluan undang-undang tersebut, seperti Akta Kewangan Jenayah UK 2017, yang bertujuan untuk meningkatkan tanggungjawab korporat bagi mencegah pengelakan cukai dan pemudahannya.

Pendekatan kami terhadap pencegahan pengelakan cukai dan pemudahan pengelakan cukai dinyatakan dalam Dasar Anti Pengelakan Cukai Brambles yang boleh didapati dalam Tatakelakuan Brambles di tapak web kami.

### 6. Peranan-peranan & Tanggungjawab-tanggungjawab

Jadual berikut memberikan gambaran keseluruhan tentang peranan-peranan dan tanggungjawab-tanggungjawab untuk pengurusan risiko cukai dalam kumpulan Brambles:

Peranan	Tanggungjawab
<b>Lembaga Brambles</b>	Lembaga Brambles Limited bertanggungjawab untuk menetapkan tahap toleransi risiko Kumpulan dan rangka kerja pengurusan risikonya serta menyelia sistem-sistem kawalan dalaman termasuk kelulusan Dasar Cukai.
<b>Jawatankuasa Audit &amp; Risiko</b>	Jawatankuasa Audit & Risiko membantu Lembaga dalam memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab tadbir urus korporat dan pengawasannya termasuk keberkesanan pengurusan risiko-risiko Kumpulan yang ketara, termasuk risiko-risiko cukai.
<b>Ketua Pegawai Kewangan (CFO)</b>	Ketua Pegawai Eksekutif mempunyai tanggungjawab utama untuk pengurusan risiko manakala Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bertanggungjawab terutamanya untuk menguruskan risiko-risiko kewangan Brambles, termasuk risiko-risiko cukai. Pelaporan risiko-risiko ini kepada Jawatankuasa Audit & Risiko dan Lembaga Brambles membentuk sebahagian daripada laporan risiko setengah tahunan kepada badan-badan ini.
<b>Naib Presiden Kumpulan, Percukaian (VP Kumpulan, Cukai)</b>	Naib Presiden (VP) Kumpulan Cukai bertanggungjawab untuk mereka bentuk Dasar Cukai dan rangka kerja pengurusan risiko cukai serta memastikan bahawa proses-proses dan kawalan-kawalan yang sesuai dikekalkan, dan menyediakan sokongan pakar.
<b>Naib-naib Presiden Serantau, Percukaian (VP Serantau, Cukai)</b>	Naib Presiden (VP) Cukai Serantau dan pasukan-pasukan mereka bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan dengan Dasar Cukai pada peringkat serantau, mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko cukai serta menyediakan sokongan pakar kepada unit-unit perniagaan serantau.
<b>Pengawal Kewangan Kumpulan</b>	Pengawal Kewangan Kumpulan bertanggungjawab untuk memantau pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan tempatan serta melaporkan pengecualian-pengecualian seperti penyata-penyata yang difailkan lewat kepada Jawatankuasa Audit & Risiko dua kali setahun.

<b>Pengawal-pengawal Kewangan Serantau</b>	Pengawal-pengawal Kewangan Serantau bertanggungjawab terhadap pematuhan undang-undang tempatan dan Dasar Cukai pada peringkat entiti daripada pemprosesan urusan niaga sehingga pelaporan serta pemfailan notis-notis dan penyata-penyata cukai dengan sokongan daripada penasihat-penasihat luar dan Naib Presiden (VP) Cukai Serantau, mengikut kesesuaian.
<b>Audit Dalaman</b>	Audit Dalaman bertanggungjawab terhadap ujian kawalan dan melaporkan penemuan-penemuan yang berkala. Penerangan tentang ujian kawalan perlu dikekalkan sebagai sebahagian daripada program audit.

### 7. Keperluan-keperluan Perundangan UK

Dokumen ini diterbitkan menurut Perenggan 19(2) Jadual 19 Akta Kewangan 2016 bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2023.

### 8. Kelulusan Lembaga

Dasar Cukai ini telah diluluskan oleh Lembaga Brambles pada 26 Jun 2024.